

PM kecam pemimpin dunia tidak berani sebut gencatan senjata

Ini kerja gila - Anwar

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyelar tindakan segelintir pemimpin dunia yang kononnya berbicara mengenai hak asasi dan demokrasi, namun tidak mampu menegaskan usaha gencatan senjata di Gaza.

Malah Perdana Menteri menyifat-

kan itu sebagai satu 'kerja gila' kerana hanya mampu menyatakan jeda kemanusiaan atau *humanitarian pause* yang boleh difahami sebagai berhenti sekejap daripada serangan sementara bantuan disalurkan dan kemudiannya boleh menjatuhkan bom semula. Beliau berkata, ini bermakna pemimpin terlibat tidak bersetuju melaksanakan gencatan senjata yang boleh diterjemah-

kan dalam bahasa diplomasi.

"Tengok pemimpin kononnya berbicara mengenai hak asasi dan demokrasi, mahu sebut *ceasefire* pun tidak boleh. Dia juga kata *humanitarian pause* di mana dalam bahasa diplomasi maknanya mereka tidak mahu gencatan senjata.

Bersambung di muka 3



Projek Rintis Bangunan Daif

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim beramah mesra dengan murid-murid dalam Majlis Penyerahan Projek Rintis Bangunan Daif di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Bangi, Selangor semalam. - UTUSAN/SYAKIR RADIN